BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 01/08/08

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum pukul 1830 petang hari Khamis, 31 Januari 2008

Perkembangan Monetari dan Kewangan Disember 2007
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Pembiayaan bersih sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul meningkat dengan lebih pesat pada bulan Disember.

- Dana bersih dalam pasaran modal lebih tinggi dengan ketara pada RM11.3 bilion pada bulan Disember.

- Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau.

- Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih terus menurun kepada 3.2%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 01/08/08

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum pukul 1830 petang hari Khamis, 31 Januari 2008

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
Disember 2007

Pada bulan Disember, pembiayaan kasar kepada sektor swasta lebih tinggi dengan ketara pada RM70.5 bilion, mencerminkan satu terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang besar dalam sektor telekomunikasi. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.3%. Pembayaran balik satu pinjaman penyambung bersindiket yang besar pada bulan itu telah menyebabkan penurunan dalam jumlah pinjaman terkumpul. Walau bagaimanapun, pada asas tahunan, pinjaman terkumpul terus mengembang pada kadar 8.6%. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman bagi sektor perniagaan dan isi rumah terus mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang kukuh.

Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatifnya stabil. Kadar deposit tetap tidak berubah manakala kadar pinjaman purata bank perdagangan rendah sedikit.

Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau pada tempoh 1 Disember 2007 – 30 Januari 2008. Sebagaimana kebanyakan mata wang lain, ringgit terus dipengaruhi terutamanya oleh perkembangan dalam pasaran kewangan global dan ekonomi Amerika Syarikat (AS). Ringgit telah disokong oleh peningkatan umum sentimen pelabur berikutan laporan rancangan oleh kerajaan AS untuk membekukan kadar faedah gadai janji subprima dan usaha bersepadu bank-bank pusat utama untuk melegakan keadaan mudah tunai yang ketat dalam pasaran kredit. Ringgit terus kukuh pada bulan Januari 2008 ekoran pasaran ekuiti global yang bertambah baik selepas penurunan kadar Fed Fund oleh Federal Reserve pada 22 Januari.

Inflasi meningkat kepada 2.4% pada bulan Disember 2007 (November: 2.3%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam kategori *makanan dan minuman bukan beralkohol*, dan juga kategori *restoran dan hotel* dan *perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan*. Namun, kesan terhadap inflasi keseluruhan sebahagiannya dikurangkan oleh penurunan harga dalam kategori *pakaian dan kasut,* dan *komunikasi*.

Wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan 9.5%, didorong oleh perbelanjaan Kerajaan, dan juga kesan daripada pemegangan aset asing yang lebih tinggi oleh sektor perbankan.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh, dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) pada 13.0% pada akhir bulan Disember 2007. Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih terus menurun kepada 3.2% disebabkan kutipan semula pinjaman yang lebih banyak dan pengurusan aset yang aktif melalui jualan NPL dan hapus kira akhir tahun.

Kadar faedah kekal stabil

Pada tempoh 1 Disember – 30 Januari, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain juga secara relatifnya stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) bank perdagangan tidak berubah pada bulan Disember dan Januari. Pada 15 Januari 2008, kadar FD disebut purata bagi tempoh matang antara 1 hingga 12 bulan adalah dalam julat 3.08% dan 3.70%. Bagi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 6.72%, sementara kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) rendah sedikit pada 6.29% pada bulan Disember (6.31% pada bulan November).



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat yang kecil



Kadar antara bank lain secara amnya tidak berubah



Bank Negara Malaysia menyerap mudah tunai daripada sistem pada bulan Disember



ALR bank perdagangan menurun sedikit



Nisbah pembiayaan-deposit dan nisbah pinjaman-deposit menjadi sederhana pada bulan Disember dengan pembayaran balik satu pinjaman penyambung yang

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Nov 07	3.08	3.15	3.29	3.38	3.70
Dis 07	3.08	3.15	3.29	3.38	3.70
15 Jan 08	3.08	3.15	3.29	3.38	3.70

Kadar FD purata tidak berubah

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



Kadar FD benar 3 bulan lebih rendah disebabkan inflasi meningkat

Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang

Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau pada tempoh 1 Disember 2007 – 30 Januari 2008. Sebagaimana kebanyakan mata wang lain, ringgit terus dipengaruhi terutamanya oleh perkembangan dalam pasaran kewangan global dan ekonomi AS. Ringgit telah disokong oleh peningkatan umum sentimen pelabur berikutan laporan rancangan oleh kerajaan AS untuk membekukan kadar faedah gadai janji subprima dan usaha bersepadu oleh bank-bank pusat utama untuk melegakan keadaan mudah tunai yang ketat dalam pasaran kredit. Ringgit terus kukuh pada bulan Januari 2008 ekoran pasaran ekuiti global yang bertambah baik selepas penurunan kadar Fed Fund oleh Federal Reserve pada 22 Januari.

Bagi tempoh 1 Disember 2007 – 30 Januari 2008 secara keseluruhan, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama dalam julat 0.3% hingga 7.3%. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 1.0% hingga 5.9%. Sebaliknya, ringgit menyusut nilai berbanding dengan peso Filipina.



Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama…



…dan berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 06	Nov 07	Dis 07	30 Jan 08	Akhir Dis 06 - 30 Jan 08	Akhir Nov 07 - 30 Jan 08
Dolar AS	3.5315	3.3585	3.3065	3.2395	9.0	3.7
Euro	4.6460	4.9508	4.8756	4.7836	-2.9	3.5
Paun sterling	6.9315	6.9251	6.6070	6.4524	7.4	7.3
100 yen Jepun	2.9675	3.0434	2.9534	3.0338	-2.2	0.3
Dolar Singapura	2.3028	2.3225	2.2938	2.2799	1.0	1.9
100 baht Thailand	9.8111	9.9202	9.8159	9.8048	0.1	1.2
100 peso Filipina	7.2027	7.8977	8.0158	7.9653	-9.6	-0.8
100 rupiah Indonesia	0.0393	0.0358	0.0352	0.0348	12.7	2.9
100 won Korea	0.3797	0.3632	0.3532	0.3431	10.7	5.9
Renminbi China	0.4523	0.4547	0.4527	0.4504	0.4	1.0

Inflasi lebih tinggi pada bulan Disember

Inflasi meningkat kepada 2.4% pada bulan Disember 2007 (November: 2.3%). Bagi tahun 2007 secara keseluruhan, inflasi purata ialah 2% (2006: 3.6%), iaitu

pada paras bawah jangkaan rasmi Bank Negara Malaysia 2-2.5%. Tekanan menaik terhadap inflasi pada bulan Disember berpunca terutamanya daripada kenaikan 4.2% dalam harga kategori *makanan dan minuman bukan beralkohol.* Kenaikan tersebut disebabkan harga makanan yang lebih tinggi yang sebahagiannya akibat kejadian banjir dan keadaan cuaca buruk baru-baru ini. Kadar kenaikan harga bagi barangan dalam kategori *restoran dan hotel* dan *perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan* juga lebih tinggi masing-masing pada 6% dan 2.5% (November: 5.6% dan 2.4%). Namun, kesannya terhadap inflasi keseluruhan sebahagiannya dikurangkan oleh penurunan harga dalam kategori *pakaian dan kasut,* dan *komunikasi*.

Inflasi meningkat pada bulan Disember





Inflasi harga pengeluar meningkat pada bulan November

Pada bulan November, inflasi harga pengeluar meningkat kepada 7.8% (Oktober: 6.7%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam sektor komoditi. Khususnya, kenaikan berterusan harga dunia bagi komoditi mentah pada tempoh

itu telah menyebabkan kenaikan harga dalam dua kategori, iaitu kategori *minyak dan lelemak binatang dan sayuran*, *bahan mentah, bahan tidak boleh dimakan kecuali bahan api,* dan kategori *bahan api galian, pelincir dan bahan berkaitan*. Sementara itu, inflasi harga pengeluar sektor bukan komoditi menjadi sederhana kepada 0.9% (Oktober: 1.2%).

Inflasi harga pengeluar terus meningkat pada bulan November



Nota: Pada bulan Julai 2007, Indeks Harga Pengeluar telah disemak semula oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Bekalan wang mengembang pada bulan Disember

Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM24.4 bilion pada bulan Disember atau pada kadar tahunan 9.5%. Peningkatan M3 didorong oleh pengeluaran deposit oleh Kerajaan untuk membiayai perbelanjaannya dan pegangan aset asing yang lebih besar oleh sektor perbankan. Walau bagaimanapun, peningkatan ini dikurangkan sebahagiannya oleh pembayaran balik satu pinjaman penyambung korporat yang besar oleh sektor swasta, yang menyebabkan tuntutan bersih terhadap sektor swasta berkurang. Pada bulan itu, M1 mencatat peningkatan yang nyata hasil daripada peningkatan ketara deposit permintaan sektor perniagaan menjelang akhir tahun 2007.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Sep 07	**Okt 07**	**Nov 07**	**Dis 07**
M3	2.6	3.2	1.0	24.4
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-1.8	-4.1	-0.4	13.6
Tuntutan ke atas sektor swasta	9.2	4.7	-3.4	-8.8
Pinjaman	8.1	3.3	3.8	-15.4
Sekuriti	1.0	1.4	-7.2	6.7
Operasi luar bersih *	5.1	13.4	0.8	5.7
Pengaruh lain	-9.9	-10.8	4.0	13.9

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



Deposit sistem perbankan meningkat dengan ketara pada bulan Disember

Pada bulan Disember, jumlah deposit dengan sistem perbankan meningkat dengan ketara sebanyak RM30.2 bilion atau pada kadar tahunan 7% (November: -RM3.2 bilion; 8%). Pertambahan ini mencerminkan penempatan deposit yang lebih tinggi terutamanya oleh institusi kewangan, perusahaan perniagaan, dan sebahagian kecilnya oleh individu. Peningkatan deposit sebahagiannya mencerminkan pengeluaran perbelanjaan dan penebusan semula bersih MGS oleh Kerajaan, yang dibiayai melalui pengeluaran deposit daripada Bank Negara Malaysia. Mengikut jenis, peningkatan deposit terutamanya adalah dalam bentuk instrumen deposit boleh niaga, deposit Perbankan Islam dan deposit lain.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Sep 07	**Okt 07**	**Nov 07**	**Dis 07**
Kerajaan Persekutuan	1,183	-395	-599	260
Kerajaan Negeri	-458	1,396	-1,199	-1,024
Badan Berkanun [1]	372	477	298	2,049
Institusi Kewangan	6,767	1,680	-4,753	15,857
Perusahaan Perniagaan	-5,242	1,832	-82	10,653
Individu	2,694	2,169	2,294	3,966
Lain-lain [2]	-455	788	815	-1,600
Jumlah	4,860	7,946	-3,226	30,161

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Sep 07	**Okt 07**	**Nov 07**	**Dis 07**
Deposit tetap	-1,929	-1,967	-3,503	-997
NID	-1,935	1,301	-5,468	8,563
Deposit permintaan	-17	4,454	-2,339	6,764
Deposit tabungan	7	650	132	1,143
Perjanjian beli balik (Repo)	956	1,376	77	665
Deposit mata wang asing	-598	1,183	1,445	-1,284
Deposit SPI	-1,218	797	1,594	7,021
Lain-lain[1]	9,595	153	4,835	8,286
Jumlah	4,860	7,946	-3,226	30,161

1/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Pembiayaan kasar sektor swasta lebih tinggi dengan ketara

Pada bulan Disember, pembiayaan kasar kepada sektor swasta lebih tinggi dengan ketara pada RM70.5 bilion (November: RM55.7 bilion), yang sejumlah besarnya merupakan satu terbitan PDS yang besar dalam sektor telekomunikasi. Sementara itu, pengeluaran pinjaman juga mencatat peningkatan yang mapan sebanyak 5.6% pada asas bulanan (November: 0.3%). Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul terus meningkat pada kadar tahunan 8.3% (November: 7.6%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Peningkatan pembiayaan kasar sektor swasta sebahagian besar merupakan satu terbitan PDS yang besar

Penunjuk pinjaman utama mapan



Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	November	Disember	November	Disember
Jumlah				
Permohonan pinjaman	53.0	39.6	97.9	44.8
Kelulusan pinjaman	37.8	26.8	119.3	51.6
Pengeluaran pinjaman	48.8	51.5	15.0	13.6
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	4.9	-9.4	10.2	8.6
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	34.5	23.6	144.9	50.5
Kelulusan pinjaman	27.0	17.4	179.2	64.6
Pengeluaran pinjaman	34.1	37.4	14.5	14.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.8	-13.2	16.4	10.4
PKS[2/]				
Permohonan pinjaman	10.8	7.3	40.1	20.3
Kelulusan pinjaman	6.0	4.0	38.1	15.2
Pengeluaran pinjaman	13.2	12.1	31.3	-1.8
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.7	0.8	8.8	9.0
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	18.5	16.0	45.6	37.1
Kelulusan pinjaman	10.8	9.5	43.1	32.4
Pengeluaran pinjaman	14.7	14.1	16.2	12.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.5	1.9	7.2	7.3

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.
[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Penunjuk pinjaman utama terus mencatat pertumbuhan yang kukuh merangkumi sektor perniagaan dan sektor isi rumah

Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh



Permohonan dan kelulusan pinjaman keseluruhan pada bulan Disember terus mencatat pertumbuhan dua angka, menunjukkan permintaan yang

berterusan terhadap pembiayaan daripada sektor perniagaan dan sektor isi rumah. Pada bulan itu, permohonan dan kelulusan pinjaman perniagaan mencatat peningkatan yang kukuh untuk tujuan modal kerja. Mengikut sektor, peningkatan ini dicakupi kebanyakannya oleh sektor elektrik, gas dan air, dan sebahagiannya oleh sektor harta tanah. Bagi sektor isi rumah, kelulusan pinjaman terutamanya adalah untuk pembelian harta kediaman dan kereta penumpang.

Pengeluaran pinjaman yang tinggi pada bulan itu sebahagian besar disalurkan kepada sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi, dan sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, dan sebahagian kecilnya kepada sektor borong, runcit, restoran dan hotel. Perkembangan ini sejajar dengan kelulusan pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor-sektor tersebut pada bulan November.

Pada bulan Disember, terdapat pembayaran balik satu pinjaman penyambung bersindiket yang besar. Oleh itu, pinjaman terkumpul menguncup pada bulan itu. Walau bagaimanapun, pada asas tahunan, pinjaman terkumpul terus berkembang pada kadar yang mapan sebanyak 8.6% pada akhir bulan Disember.

Dana bersih lebih tinggi diperoleh dalam pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM11.3 bilion pada bulan Disember. Jumlah ini adalah lebih tinggi dengan ketara berbanding dengan penebusan semula bersih sebanyak RM10.7 bilion yang dicatat pada bulan November. Dana itu diperoleh sektor swasta (+RM17 bilion), dengan satu terbitan sekuriti hutang swasta yang besar oleh sebuah syarikat telekomunikasi sebagai sebahagian daripada pelaksanaan penswastaannya. Sementara itu, sektor awam mencatat penebusan semula bersih sebanyak RM5.6 bilion. Pada bulan itu, sektor awam memperoleh sejumlah RM7 bilion melalui pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10 tahun.



1/ Termasuk Cagamas Bon

KLCI melonjak semula pada bulan Disember

Pada bulan Disember, KLCI naik sebanyak 3.4% daripada bulan sebelumnya untuk ditutup pada 1,445. Sentimen pelabur yang lemah disebabkan prestasi merosot pasaran ekuiti asing menyebabkan KLCI jatuh kepada 1,385.5 pada 18 Disember. Walau bagaimanapun, KLCI melonjak semula untuk mencatat rekod tertinggi pada 1,447 pada 28 Disember berikutan prestasi kukuh sektor perladangan dan sektor perindustrian. Permodalan pasaran meningkat kepada RM1,106.2 bilion (sejak akhir bulan November: +3.8%), manakala urus niaga purata harian menurun kepada 825.6 juta unit (November: 1,160.3 juta unit).



Pasaran kewangan global melonjak semula pada bulan Disember

KLCI mencapai paras tertinggi baharu pada 1,516.2 pada 11 Januari, disokong terutamanya oleh harga minyak sawit mentah yang mencatat rekod

tertinggi baharu. Walau bagaimanapun, berikutan pembetulan yang ketara dalam pasaran ekuiti global, KLCI jatuh kepada 1,354.5 pada 22 Januari, ekoran kebimbangan baharu terhadap kelembapan ekonomi AS. KLCI memperoleh semula sebahagian daripada kerugian untuk ditutup pada 1,384.1 pada 30 Januari (sejak akhir bulan Disember: -4.2%) disebabkan sentimen positif selepas Federal Reserve AS mengambil langkah tidak berjadual dengan mengurangkan sebanyak 75 mata asas kadar Fed Fund pada 22 Januari. Permodalan pasaran keseluruhan menurun kepada RM1,050 bilion (sejak akhir bulan Disember: -5.1%) dan aktiviti dagangan adalah lebih tinggi dengan urus niaga purata harian sebanyak 1,185.3 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM335.7 bilion (bersamaan dengan USD101.3 bilion) pada 31 Disember 2007. Paras rizab itu telah mengambil kira pengurangan nilai rizab disebabkan penilaian semula suku tahunan berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama pada suku keempat. Pada 15 Januari 2008, rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM345.4 bilion (bersamaan dengan USD104.3 bilion). Kedudukan rizab memadai untuk membiayai 8.8 bulan import tertangguh dan ialah 6.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Paras permodalan terus kukuh dalam keadaan pinjaman tak berbayar yang terus menurun

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dalam keadaan pengagihan keuntungan pada akhir tahun oleh beberapa institusi perbankan. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing berada pada 13% dan 9.9% pada akhir bulan Disember 2007. Sementara itu, nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih terus menurun kepada 3.2% disebabkan kutipan semula pinjaman yang lebih banyak dan pengurusan aset yang aktif melalui jualan NPL dan hapus kira akhir tahun.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	Okt 07	Nov 07	Dis 07
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.3	10.1	9.9
RWCR	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	13.2	13.0
NPL bersih										
(klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	9.7	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.4	3.3	3.2
Jumlah (RM juta)	37,678	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	21,350	20,665	20,081
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih										
(3 bulan, %)	2.2	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Paras permodalan sistem perbankan terus kukuh…

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…sementara paras NPL terus menurun

Bank Negara Malaysia
31 Januari 2008
C:\MSB DEC 2007_BM (Final).DOC

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Okt 07		Nov 07		Dis 07	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		59.9	5.4	62.7	15.5	63.9	9.8
M1		159.0	17.9	158.6	15.1	169.0	19.5
M2		768.3	11.4	769.8	9.5	797.0	9.5
M3		807.4	11.3	808.4	9.7	832.8	9.5
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		842.0	11.1	838.7	8.0	868.9	7.0
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		648.3	10.1	653.2	10.2	643.7	8.6
Nisbah pinjaman-deposit (%)		75.0		75.8		72.2	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		83.1		84.0		80.8	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		38.6	70.7	53.0	97.9	39.6	44.8
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		23.3	58.2	37.8	119.3	26.8	51.6
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		48.6	23.2	48.8	15.0	51.5	13.6
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		44.3	12.6	44.4	13.3	63.4	44.5
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.2		13.2		13.0	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		3.4		3.3		3.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		340.2		345.1		335.7	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		99.6		101.1		101.3	
Bilangan bulan import tertangguh		8.7		8.8		8.5	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.50 [3.50]		3.50 [3.50]		3.49 [3.50]	
	Seminggu	3.52 [3.52]		3.52 [3.52]		3.52 [3.51]	
	1 bulan	3.54 [3.54]		3.54 [3.54]		3.56 [3.54]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.08		3.08		3.08	
	3 bulan	3.15		3.15		3.15	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.26		6.31		6.29	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		106.1	1.9	106.8	2.3	107.1	2.4
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		135.7	6.7	137.6	7.8	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.3418		3.3585		3.3065	
Euro		4.8257		4.9508		4.8756	
Paun Sterling		6.9156		6.9251		6.6070	
100 Yen Jepun		2.9119		3.0434		2.9534	
Dolar Singapura		2.3059		2.3225		2.2938	
100 Baht Thailand		9.827		9.9202		9.8159	
100 Peso Filipina		7.6418		7.8977		8.0158	
100 Rupiah Indonesia		0.3670		0.0358		0.0352	
100 Won Korea		0.3703		0.3632		0.3532	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	-0.8		0.5		-5.6	
	swasta	-0.4		-11.2		17.0	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,413.7		1,397.0		1,445.0	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		1,091.4		1,065.3		1,106.2	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.